"Apatah lagi, perairan Dungun dan Kemaman kurang tekanan berbanding Marang, Kuala Terengganu dan Setiu yang menjadi lokasi popular mencandat sotong sejak puluhan tahun lalu.



Terlalu banyak bekalan sotong di Terengganu, sampai muak makan

**KERATAN** *Kosmo!* semalam.

"Apapun kajian saintifik lebih terperinci terhadap kualiti air, populasi terumbu karang dan lubuk sotong diperlukan bagi mengetahui punca sebenar lambakan sotong pada tahun ini," ujarnya.

Sementara itu, Pengarah Zon Maritim Kemaman, Komander Maritim Rashidilhadi Abd. Rashid mengakui pencerobohan nelayan Vietnam di perairan Terengganu menunjukkan trend penurunan sejak awal tahun ini.

"Setakat ini, cuma tujuh bot nelayan Vietnam berjaya ditahan setelah dikesan menangkap hasil laut secara haram di perairan Terengganu sejak awal Januari lalu.

"Risikan mendapati, kebanyakan bot nelayan asing tersebut kini banyak beralih untuk menceroboh perairan Indonesia pula," katanya.

Rashidilhadi berkata, Maritim Malaysia (APMM) percaya perubahan trend itu berikutan tindakan penguatkuasaan yang keras terhadap nelayan Vietnam sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Beliau juga mengakui sotong merupakan antara hasil laut paling banyak dijarah nelayan negara jiran itu setiap kali menceroboh perairan Terengganu sebelum ini.

"Begitupun itu tidak bermakna ancaman nelayan Vietnam semakin kendur kerana apa sahaja boleh berlaku dalam baki enam bulan terakhir tahun ini.

"APMM tetap mengetatkan kawalan perairan seperti biasa bagi memastikan kedaulatan negara terpelihara," ujarnya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 15/6/2023 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 35 |

# Kawasan perairan Dungun, Kemaman lubuk sotong

Oleh KAMALIZA KAMARUDDIN
utusannews@mediamulia.com.my



ORANG ramai memilih sotong segar yang dijual di Kuala Terengganu. - UTUSAN/KAMALIZA KAMARUDDIN

**KUALA TERENGGANU:** Hasil tangkapan sotong yang luar biasa di perairan Kemaman dan Dungun pada tahun ini disebabkan kawasan tersebut kurang pencerobohan peralatan perikanan yang dilarang oleh kerajaan.

Pensyarah Kanan Bidang Teknologi Alatan Perikanan dan Ekologi Perikanan, Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Dr. Mohd. Fazrul Hisam Abd. Aziz berkata, ini kerana perairan di dua daerah tersebut memiliki banyak kawasan berbatu yang terselamat daripada ancaman pukat tunda.

Menurutnya, kawasan berbatu secara tidak langsung mewujudkan ekosistem dasar laut yang sangat sihat serta daya tarikan untuk menjadi 'lubuk sotong'.

"Faktor pertama ialah habitat yang masih tidak tercemar dan kedua makanan yang banyak untuk keperluan sotong berada di kawasan tersebut menyebabkan tangkapan agak luar biasa kali ini.

"Ia menjadi lokasi pilihan sotong untuk membiak, kerana ekosistem dasar laut yang sihat dengan terumbu karang yang banyak boleh melindungi telur yang dihasilkan spesies haiwan marin itu.

"Berbeza dengan kawasan lain seperti perairan Marang, Kuala Terengganu dan Setiu yang sering menjadi lokasi mencandat sotong sebelum ini, tekanan seumpama itu tidak berlaku di Kemaman dan Dungun menjadikan dua lokasi itu mempunyai banyak 'lubuk sotong' yang menjadi buruan ramai," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini.

Baru-baru ini tular di media sosial, tangkapan sotong yang banyak di Dungun dan Kemaman dan situasi itu agak luar biasa berbanding tangkapan di daerah lain.

Ini menyebabkan ramai pengusaha bot meraih rezeki berganda kerana pelancong dari luar berminat menyewa bot mereka untuk mencandat sotong.

# Lembu sado untuk ibadah korban

**BERA:** Seorang penternak lembu di Felda Tembangau 2 di sini, Muhammad Bakri Bukhari, 38, sudah menjual 25 ekor lembu sado yang nilai keseluruhannya berjumlah hampir RM500,000 untuk ibadah korban sejak 2018.

Generasi kedua tanah rancangan itu mula dikenali sebagai penternak apabila lembu sado miliknya seberat 1.2 tan dinamakan 'Gemuk' dinobatkan *King of Sado 2022* dalam Himpunan Lembu Sado Pantai Timur 2022 di Pekan Jabi, Terengganu.

Muhammad Bakri mula aktif menternak lembu sado pada 2018 setelah melihat perbezaan ketara dari segi saiz dan jumlah daging lembu tempatan.

"Walaupun menternak lembu tempatan sudah dimulakan pada 2008 di kawasan ladang sawit milik keluarga tetapi menternak lembu sado lebih berbaloi.

"Anak yang dilahirkan mengikut baka dan boleh membesar sehingga 1.2 tan dalam usia empat tahun. Harganya boleh mencecah RM30,000 seekor," katanya di sini semalam.

Jelasnya, ketika ini terdapat 20 ekor lembu sado di ladangnya yang berusia lebih 25 bulan sesuai untuk ibadah korban dengan harga antara RM15,000 hingga RM20,000 seekor.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Ikhlas.com, Ikhlas Kamarudin berkata, syarikat itu membeli lembu sado milik penternak itu untuk ibadah korban.

Menurutnya, pada tahun ini, Ikhlas.com berhajat meneruskan ibadah korban dengan mendapatkan lembu terbaik di ladang milik Muhammad Bakri.

Sementara itu, pelakon terkenal tanah air, Datuk Rosyam Nor yang sudah lima tahun bekerjasama dengan Ikhlas.com memuji pendekatan syarikat itu menarik lebih ramai pihak melaksanakan ibadah korban sempena Hari Raya Aidiladha.




MUHAMMAD BAKRI Bukhari (berdiri) dan Rosyam Nor yang menaiki lembu sado bernama Abil di Felda Tembangau 2 di Bera, Pahang. - UTUSAN/SALEHUDIN MAT RASAD

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 15/6/2023 | KOSMO | NEGARA | 15 |



MUHAMMAD BAKRI bersama dua ekor lembu sado miliknya ketika ditemui di Bera baru-baru ini.

## Mampu peroleh hasil lumayan setiap kali Aidiladha

# Lembu sado jadi pilihan buat korban

Oleh AZIZAH SHAFIEI

**BERA** – Penternakan lembu sado kini makin diminati dalam kalangan anak muda kerana mampu meraih pendapatan lumayan.

Seorang penternak, Muhammad Bakri Bukhari, 38, dari Felda Tembangau 3 antara individu yang menjadikan ruminan baharu itu sebagai lubuk bagi menjana pendapatan.

Muhammad Bakri berkata, dia mula menternak lembu pada 2008 setelah melihat potensi lembu sado yang mampu memberikan pulangan pendapatan yang tinggi dan nekad mengumpul modal semata-mata untuk mendapatkan benih ruminan itu.

"Alhamdulillah, sejak saya memulakan penternakan lembu sado ini pada tahun 2018, saya berjaya meraih pendapatan hampir setengah juta ringgit untuk ibadah korban, dengan anggaran antara 20 hingga 25 ekor yang telah terjual.

"Situasi ini sangat berbeza semasa saya menternak lembu tempatan pada tahun 2008, dan apa yang saya usahakan ini, saya rasa sangat berbaloi lebih-lebih lagi sekarang ini ramai yang mencari lembu sado untuk korban," katanya ditemui di Felda Tembangau 3.

Jelas Muhammad Bakri, melihat kepada perbezaan ketara dari segi saiz dan jumlah daging berbanding lembu tempatan merupakan satu keputusan ekonomik yang dilakukan lima tahun lalu.

Dalam pada itu katanya, bagi mendapatkan baka lembu sado, dia perlu mendapatkan benih atau semen lembu pejantan dari luar negara dalam bentuk *straw* yang kemudiannya dimasukkan dalam alat kelamin lembu betina tempatan.

"Anak yang dilahirkan mengikut baka dan boleh membesar sehingga 1.2 tan dalam usia umur empat tahun dan harganya boleh mencecah sekitar RM30,000.

"Setakat ini, saya telah menternak lembu sado baka jenis *chevrolet* yang semuanya berwarna putih dan sudah ada yang berusia lebih 25 bulan yang sesuai untuk ibadah korban tahun ini," katanya.

Tambahnya, bagi menjaga kualiti lembu sado itu, dia perlu memastikan pemakanan yang diberikan selamat dan sesuai, meskipun harga dedak mahal.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 15/6/2023 | THE STAR | NEWS | 3 |

# Johor to have 115 Fama bazaars

**BATU PAHAT:** The Johor Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) is targeting a total of 115 Bazar Rakyat Agro Johor (BRAJ) to be implemented statewide.

State Fama director Faidz Afizi Mohamad said the ongoing BRAJ, which started in February, will be held until April next year, with the cooperation of local community leaders.

To date, 30 BRAJ sites have been successfully implemented, and the remaining 85 locations will be focused in rural areas, mainly featuring fresh produce as well as products from small and medium enterprises.

"Among products sold at BRAJ are daily necessities such as vegetables, chicken, meat, fish and eggs, all at lower prices than regular wet markets.

"The main purpose of BRAJ is to help ease the burden of the people, who are affected by the rising prices of goods," Faidz Afizi said after inspecting the bazaar at the Rengit Fama Food Processing Centre, which was also attended by Rengit assemblyman Datuk Dr Mohd Puad Zarkashi. – Bernama

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 15/6/2023 | SINAR HARIAN | NEGERI JOHOR | 24 |

# 600 ekor ayam habis terjual dalam tiga jam



Jualan ayam pada RM6.40 sekilogram mendapat sambutan pembeli di Bazar Rakyat Agro Johor di Rengit pada Rabu.

**BATU PAHAT** - Sebanyak 600 ekor ayam dijual dengan harga RM6.40 sekilogram 'licin' dalam tempoh tiga jam sempena program Bazar Rakyat Agro Johor di Pusat Memproses Makanan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) di Rengit pada Rabu.

Pengarah FAMA negeri, Faidz Afizi Mohamed berkata, selain ayam, 200 kilogram daging lembu yang dijual pada harga RM32 sekilogram turut habis terjual hanya dalam tempoh dua jam.

Katanya, harga asal ayam dan daging lembu pada jualan itu masing-masing RM9.40 dan RM38, namun mendapat tampungan subsidi daripada FAMA Johor.

"Keseluruhan tampungan subsidi dianggarkan sebanyak RM8,000 bukan sahaja untuk ayam dan daging lembu tetapi pelbagai keperluan lain, seperti telur ayam, ikan dan sayur.

"Telur ayam gred B yang dijual pada harga RM10 sepapan mendapat sambutan luar biasa. Begitu juga dengan ikan rakyat iaitu ikan cencaru, ikan tongkol dan ikan pelaling," ujarnya.

Dalam pada itu Faidz Afizi berkata, sebanyak 85 program Bazar Rakyat Agro Johor akan dilaksanakan di negeri ini sehingga April tahun depan.

"FAMA turut membantu pekebun dan penternak tempatan memasarkan produk mereka menerusi program Bazar Rakyat Agro Johor yang diadakan di setiap daerah.

"Ia juga dapat mengurangkan kos sara hidup rakyat melalui tawaran harga jualan yang berpatutan," katanya.

Sementara itu, peniaga ayam, Zulkifli Abd Wahab, 47, berkata, jualan ayam terpaksa dihadkan kepada dua ekor bagi setiap pembeli memandangkan sambutan diterima luar biasa.

Jelasnya, subsidi yang diberikan membolehkan pembeli khususnya daripada kawasan luar bandar berjimat.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 15/6/2023 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 22 |

# Perkasakan pertubuhan peladang

## Diwarta sebagai badan awam di bawah akta SPRM

Oleh ROSKHOIRAH YAHYA
SHAH ALAM

Program advokasi penetapan badan awam terhadap Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) ke arah mencegah ketirisan dana tahun 2023 telah diadakan di ibu pejabat agensi itu pada Rabu.



ZAMRI

Program berkenaan seiring dengan pewartaan pertubuhan peladang sebagai badan awam di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694) yang berkuat kuasa 22 Mei lalu.

Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah Nafas, Datuk Zamri Yaakob berkata, pewartaan pertubuhan peladang sebagai badan awam membuktikan betapa pentingnya agensi itu kepada negara.

Beliau berkata, ia umpama pengiktirafan yang perlu dipikul dengan lebih bertanggungjawab dalam melaksanakan amanah dan tadbir urus pertubuhan peladang.

"Pewartaan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di bawah Seksyen 71 (1) ASPRM 2009 ini membawa maksud pertubuhan peladang yang merangkumi Nafas, pertubuhan peladang negeri dan pertubuhan peladang kawasan sebagai badan awam.

"Pengiktirafan ini adalah wajar bagi memastikan kepentingan kerajaan, pertubuhan peladang dan ahli-ahli lebih terjamin selain memastikan tadbir urus yang bebas rasuah, salah guna kuasa serta penyelewengan," katanya dalam kenyataan pada Rabu.



Penolong Kanan Pesuruhjaya Bahagian Pendidikan SPRM, Ramli Hassan (duduk, depan kiri), Zamri (duduk, tengah) bergambar bersama peserta sempena program advokasi penetapan badan awam terhadap Nafas yang diadakan di ibu pejabat agensi itu pada Rabu.

Tambah Zamri, ia juga akan memberi satu definisi yang jelas dan tepat dalam menguatkuasakan perundangan bagi memastikan warga Peladang menjauhkan diri dari perlakuan rasuah dalam aktiviti harian perniagaan.

"Sebagai agensi yang bernaung di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS), Nafas memikul tanggungjawab dalam memperbaiki sosioekonomi para peladang dengan penumpuan kepada peningkatan pendapatan serta memajukan industri pertanian negara.

"Selain itu, penganjuran program ini membuktikan komitmen dalam memperkasakan integriti, nilai insan yang tinggi dan unggul demi menjadikan Nafas sebuah organisasi pertubuhan peladang yang telus dan cemerlang," jelasnya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 15/6/2023 | HARAKAH | PENANG JOM KALIH | H31 |



Arshad meluahkan harapannya terhadap PSI kepada Pesuruhjaya PAS Negeri Pulau Pinang, Ustaz Muhammad Fauzi Yusoff.

# Nelayan tetap taruh harapan agar PSI dibatalkan

**BALIK PULAU:** Pengerusi Nelayan Kawasan Pulau Pinang Selatan, Arshad Omar menaruh harapan kepada kerajaan negeri dan Persekutuan supaya membatalkan projek tambak laut di Pulau Pinang Selatan (PSI).

Katanya, projek ini akan memusnahkan masa depan nelayan dan mengakibatkan rantaian bekalan makanan laut untuk penduduk Pulau Pinang terjejas jika kerajaan nekad meneruskan PSI.

"Adakah nelayan Pulau Pinang ini akan dihapuskan sama sekali?

"Harapan saya semoga rancangan kerajaan untuk membina sebuah pulau ini, saya minta diberhentikan dan minta jasa baik Perdana Menteri supaya perkara ini dibatalkan sama sekali.

"Sebab kemusnahannya itu memang cukup teruk, nelayan akan hilang pendapatan dan masa depan," katanya.

Beliau berkata tambakan laut meninggalkan kesan pencemaran terhadap ekosistem hidupan laut misalnya seperti projek STP 1 dan STP 2 dibangunkan di Tanjong Tokong beberapa tahun lalu.

"Kesannya sampai ke Balik Pulau pencemarannya. Pada ketika itu dekat setahun lebih, bila kita labuh pukat, hujung pukat itu hitam semua, udang tiada, ikan kurang.

"Maknanya kalau kaki pukat itu hitam itu penuh selut. Makan masa lama juga (untuk pulihkan ekosistem laut).

"Di sini Balik Pulau paling dekat, macam mana kita nak cari makan? Di sana dah kita tak boleh cari makan sebab pencemaran selut, di Balik Pulau pun tak boleh, dah lari ketengah pun sama juga," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 15/6/2023 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 9 |

# Perak SADC peruntuk RM5j perkasa industri agro-ekopelancongan

**Batu Gajah:** Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (Perak SADC) memperuntukkan kira-kira RM5 juta bagi memperkasa misi membangunkan sektor pertanian dengan mengembangkan perniagaan dalam bidang pertanian berasaskan industri agro dan ekopelancongan.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Perladangan, Pertanian dan Industri Makanan Perak, Datuk Zolkafly Harun, berkata Perak SADC secara dasarnya sudah mempelbagaikan sumber pendapatannya yang bukan hanya bergantung kepada komoditi sawit semata-mata malah turut mengembangkan perniagaan dalam bidang pertanian berasaskan agro/eko pelancongan serta akuakultur.

Beliau yang juga Ahli Lembaga Pengarah Perak SADC berkata, Perak SADC, sebelum ini sudah bergiat aktif dalam memperluaskan bidang agro serta ekopelancongan di beberapa lokasi di Perak dengan menampilkan pelbagai aktiviti yang mampu menarik kehadiran pengunjung.

Katanya, ia seperti yang dilakukan Perak SADC sebelum ini di Perak Agrotourism Resort (PATRO) Sungai Galah, Taman Herba di Gopeng, Matsoorat Heritage Park di Ipoh, Denai Kabus di Gerik, serta Ulu Piah di Tambun.

Aktiviti menarik yang ditawarkan di sana adalah seperti eksplorasi gua, berkhemah, berbasikal, pemanduan ATV, memancing, *herb tour* dan sebagainya.

"Hal ini sejajar dengan visi Perak SADC untuk menjadi agensi peneraju pembangunan pertanian yang unggul dengan misi membangunkan sektor pertanian negeri dan menyumbang kepada kesejahteraan rakyat serta negeri melalui projek komersial pertanian dan industri asas tani yang bernilai tinggi serta pelbagai program pembangunan sosial berimpak tinggi," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menyaksikan pemeteraian memorandum kerjasama (MoC) antara Perak SADC yang diwakili Ketua Pegawai Operasinya, Mohd Kahar Mukktaruddin dengan Papan Agro Valley Sdn Bhd (Papan Agro Valley), diwakili Pengurus Besar Kanan Papan Agro Valley, Syed Muhammad Haidzir Al Yahya Syed Kamal Al Yahya, di sini.

Yang turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Industri, Pelaburan dan Pembangunan Koridor Perak, Loh Sze Yee serta Ketua Pegawai Eksekutif Perak SADC, Yahanis Yahaya.

Papan Agro Valley menumpukan teras perniagaannya kepada tanaman kontan jangka pendek yang pelbagai, di samping ternakan seperti lembu dan ayam.

## Maju perusahaan pertanian

Sementara itu, Yahanis berkata, melalui kerjasama itu Perak SADC menyediakan tanah berdekatan kawasan Papan Agro Valley seluas 32.3 hektar kepada Papan Agro Valley bagi memaju dan memperluaskan lagi perusahaan pertanian syarikat itu di kawasan berkenaan yang bertapak sejak 2004.

"Tempoh masa bagi pembangunan di kawasan tambahan itu bagaimanapun, bergantung kepada duit yang ada memandangkan eko pelancongan sebenarnya menelan kos tinggi untuk dibangunkan. Jika ada bajet, insya-Allah kita akan mulakan tahun depan," katanya.

Terdahulu, Yahanis dalam ucapannya berkata, pihaknya juga dalam perancangan untuk melancarkan program agropelancongan dengan kerjasama Tourism Perak bersama beberapa agensi lain di daerah Hulu Perak pada penghujung tahun ini dengan objektif utamanya mengumpulkan semua pemain industri dalam bidang pelancongan di Perak bagi mempromosi produk mereka sempena Tahun Melawat Perak 2024.

"Inisiatif digerakkan ini juga sebenarnya antara agenda yang terkandung dalam *flagship* Perak Sejahtera 2030," katanya.



*Mohd Kahar (dua dari kiri) bersama Syed Muhammad Haidzir Al Yahya menunjukkan dokumen ditandatangani sambil disaksikan Zolkafly (tengah) dan Yahanis (kiri) pada Majlis menandatangani MoC antara Perak SADC dan Papan Agro Valley di Batu Gajah.*

(Foto L Manimaran/BH)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 15/6/2023 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 12 |




## Berlambak

MUSIM durian ketika ini menyaksikan banyak gerai dibuka di tepi-tepi jalan bagi menjual raja buah itu.

Pelbagai jenis buah durian dijual termasuk yang menjadi kegemaran ramai seperti Musang King, D24, Udang Merah serta IOI walaupun harganya agak tinggi.

Gerai Rizky Durian yang terletak di Taman Medan, Petaling Jaya turut menjual buah tersebut dengan harga istimewa iaitu antara tiga hingga tujuh biji RM100 bergantung kepada saiz buah tersebut.

Menurut penjual durian di gerai itu, Romi Hidayat Zainintawa, 32, buah durian itu diambil dari Pahang serta Johor dan mendapat sambutan daripada pelanggan.

Perniagaan yang beroperasi sejak 2016 itu turut memberikan sebiji durian jenis udang merah kepada wanita mengandung sebagai tarikan.

■ ORANG ramai memilih buah durian yang dijual di Taman Medan, Petaling Jaya, semalam. - UTUSAN/ MUHAMAD IQBAL ROSLI

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 15/6/2023 | KOSMO | NIAGA | 37 |

Wujudkan lembaga kawal atur industri agar durian Malaysia terus ke hadapan

# Kapasiti negara jiran lebih tinggi



MALAYSIA berdepan cabaran sengit untuk bersaing dengan produk durian keluaran negara jiran yang lebih bermutu tinggi. – GAMBAR HIASAN

**RAUB** – Sebuah lembaga untuk menyelia dan mengawal atur industri durian di negara ini wajar diwujudkan bagi memastikan Malaysia terus di hadapan terutamanya dalam pengeluaran 'Raja Buah' berkualiti premium yang memiliki permintaan tinggi terutamanya di pasaran luar negara.

Timbalan Pengerusi Royal Pahang Durian Group (RPDG), Datuk Albert Chang Si Fock berkata, penawaran durian tempatan diasak sengit oleh pengeluar dari negara-negara jiran serantau yang memiliki kapasiti pengeluaran lebih tinggi.

Jelasnya, pada tahun 2021, Malaysia hanya menduduki tempat keempat dalam senarai negara pengeluar durian global dengan 450,000 tan di belakang Indonesia (1.52 juta tan), Thailand (1.35 juta tan) dan Vietnam (720,000 tan).

"Pada masa sama, durian dari Malaysia diterima baik sebagai variasi durian premium dan



ALBERT CHANG SI FOCK

unggul.

"Data menunjukkan pertumbuhan eksport yang baik bagi durian Malaysia dalam bentuk sejuk beku ke China dari 2019 hingga 2021, yang mana pasaran durian China dianggarkan akan berkembang sehingga RM83.14 bilion menjelang tahun 2026, menurut Laporan Industri Pasaran Buah Segar China oleh China Insights Consultancy pada Julai 2022," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas sesi lawatan ke ladang durian serba moden RPDG seluas 404 hektar di Tras, dekat sini kelmarin.

Ladang berkenaan yang ditanam dengan pokok durian terutamanya varian musang king bermula tahun 2017 dijangka mengeluarkan hasil bermula tahun ini.

Sasaran pengeluarannya adalah sebanyak 50 tan untuk 2023 dan sekitar 200 tan pada tahun depan.

Albert menambah, pertumbuhan pasaran durian di China memerlukan bekalan berkualiti yang konsisten, prestasi kos rantaian bekalan yang optimum dan spesifikasi penarafan yang tetap.

"Indonesia merupakan pengeluar durian terbesar ketika ini dan mengeksport ke China. Seandainya memperoleh akses untuk pasaran eksport dalam bentuk buah segar bagi versi musang king, maka persaingan akan menjadi lebih sengit," ujarnya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 15/6/2023 | KOSMO | K2 | 19 |



Kosmo!

k2

*Menyelami Hidup Anda*

KHAMIS 15.06.2023

# Durian berkod D Malaysia

MELALUI kerja-kerja kacuk atau kahwin pokok, sebanyak 226 varieti durian telah berjaya didaftarkan oleh Jabatan Pertanian menerusi kod D dengan jenis paling popular ialah musang king (D127), duri hitam (D200) dan golden bun (D13).

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 15/6/2023 | KOSMO | K2 | 20 |







DURIAN dragon phoenix (D198) merupakan 'anak jati' Tangkak, Johor.

# Varieti 226 raja buah berdaftar Malaysia



Rencana Utama

Oleh **SITI SARAH NURUL LIYANA**

SAAT rata-rata penduduk setempat masih lagi nyenyak dibuai mimpi indah, Tey Yong Le, 25, memulakan rutin hariannya menyelusuri salah satu dusun durian di Tangkak, Johor.

Cuaca panas yang melanda negara sejak bulan lalu membuatkan pokok durian mudah berbunga semula, sekali gus meningkatkan lagi produktiviti tanaman tersebut.

Durian-durian yang gugur dikutip dan dikategorikan mengikut jenis sebelum menghantarnya ke pusat jualan untuk dipasarkan kepada masyarakat umum.

Menurut anak jati Tangkak tersebut, jumlah keseluruhan raja buah yang dikutip dan dipasarkan mampu mencecah dua hingga tiga tan sehari.

"Seawal pukul 3 pagi, saya dan rakan-rakan sekerja sudah ada di dusun untuk kutip durian sebelum dikategorikan dan dipasarkan.

"Antara durian yang ada dalam dusun kami adalah musang king (D127), golden bun (D13), tekka (D160) dan XO (variasi kepada D24) dan golden phoenix (D198).

"[illegible]gan teknologi sekarang, semua jenis pokok durian ini mampu membesar setinggi 2.5 hingga 3 meter dalam masa tiga tahun sahaja," katanya yang bekerja di dusun seluas 16 hektar.

Yong Le merupakan salah seorang wakil pengusaha durian yang berpeluang memperkenalkan variasi durian kepada pengunjung pada Majlis Pelancaran Durian Tourism 2023 di Happy Fruit Tangkak baru-baru ini.

Durian Tourism 2023 merupakan kempen yang dianjurkan oleh Tourism Malaysia dengan kerjasama Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) serta 13 pengendali pelancongan tempatan.

Menerusi pakej tersebut, pelancong dari dalam dan luar negara dapat menikmati varieti klon durian yang hanya terdapat di Malaysia.

Pegawai Penyelidik Kanan MARDI, Nur Azlin Razali berkata, terdapat 226 varieti yang telah didaftarkan oleh Jabatan Pertanian menerusi kod D.

Ini bermakna terdapat D1 hingga D226 durian di Malaysia ketika ini. Ia sama ada durian hibrid atau klon.

Misalnya, D1 merupakan durian yang pertama didaftarkan. Durian D1 (*Durio zibethinus Linn*) telah didaftarkan pada tahun 1934.

Pokok asal durian berkenaan terletak di Batu 11, Jalan Dusun Tua, Hulu Langat, Selangor.

Ia berbentuk bulat dan mempunyai isi yang nipis, putih, manis dan berbiji besar.

Sementara itu, antara klon durian premium yang mendapat permintaan tinggi daripada pengguna domestik dan antarabangsa ialah musang king (D197), MDUR 88 (D190) dan duri hitam (D200).

"Durian kampung

## INFO

**Durian**

- Durian tergolong dalam keluarga tumbuhan *Malvaceae* atau mallow iaitu sama kategori dengan bendi, bunga raya, koko dan kapas
- Gred durian dibahagikan mengikut pangsa iaitu lima pangsa penuh diberi gred A, empat pangsa pula gred B dan kurang daripada itu adalah gred C
- Durian mengandungi nutrisi seperti potassium, phosphorus, magnesium, vitamin C dan folat
- Durian paling mahal adalah Kanyao dari Thailand. Ia pernah dijual pada harga 1.5 juta baht (RM 200,057)
- Durian boleh dijual dalam bentuk segar, kriogenik sejuk, isi dan 'paste' sejuk beku, sejuk beku, isi durian sejuk dan sediaan kering




DURIAN MDUR 88 dihasilkan daripada pemindahan debunga durian D24 ke stigma durian D10.



D2 merupakan an[illegible] durian terawal ya[illegible] didaftarkan oleh Jabatan Pertanian.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 15/6/2023 | KOSMO | K2 | 21 |




NUR AZLIN (kanan) mewakili MARDI bersama tetamu kehormat lain pada Majlis Pelancaran Durian Tourism 2023 di Tangkak, Johor baru-baru ini.

yang menepati kualiti akan didaftarkan dengan Jabatan Pertanian, seterusnya akan dikacuk untuk memperbanyakkan anak pokok.

"Pokok kacuk ini akan dijual menggunakan nama yang didaftarkan.

"Pokok-pokok ini juga diklon bagi menghasilkan baka sama," katanya.

Untuk pengetahuan, durian kacuk atau kahwin bermaksud persenyawaan seksual daripada dua induk menerusi cantuman baji atau cantuman dewasa.

Proses berkenaan tidak menghasilkan varieti durian baharu, sebaliknya dibuat bagi membantu pendebungaan silang dengan lebih baik.

Sebagai contoh, pencantuman antara pokok D24 dan D10 akan menghasilkan dua buah berbeza mengikut batang masing-masing.

Cara tersebut penting bagi menghasilkan buah-buah yang lebih berkualiti dan tidak mudah diserang penyakit.

Sementara itu, durian hibrid pula bermaksud penghasilan biji daripada proses pendebungaan atau perpindahan debunga (sumber genetik jantan) klon durian tertentu kepada bahagian bunga betina (stigma) klon durian lain.

Contohnya, debunga klon durian D24 dipindahkan kepada stigma klon durian D10.

Kemudian, biji daripada buah yang dihasilkan ditanam dan dipilih sebagai durian MDUR 88 (D190).

Selain itu, durian klon bermaksud pembiakan secara tampang (aseksual) iaitu dibiakkan tanpa melibatkan persenyawaan genetik.

Sebagai contoh, pucuk atau tunas pokok musang king dicantumkan dengan sebatang pokok penanti untuk menghasilkan pokok musang king baharu yang 100 peratus sama dengan pokok induk.

Bagi penghasilan durian hibrid baharu, MARDI memiliki tiga stesen iaitu di Kuala Kangsar, Perak; Jerangau, Terengganu dan Kluang, Johor.

Stesen berkenaan berbeza lokasi kerana ingin menguji sama ada setiap hibrid yang diusahakan sesuai di tanah berbeza di negara ini.

Secara umumnya, MARDI mula membangunkan kajian baka durian secara aktif bermula pada awal 1970-an menggunakan D24 dan D10 sebagai induk.

Hal ini kerana kedua-dua klon tersebut mempunyai ketahanan terhadap penyakit seperti ulat pengorek batang.

Tambah Nur Azlin, pihak MARDI masih belum dapat menghasilkan durian hibrid yang mampu mengatasi musang king dari segi tekstur, rasa dan penerimaan ramai.

Usaha tersebut sangat penting kerana negara-negara jiran seperti Thailand, Indonesia dan China sudah berusaha menanam sendiri tanaman jenis tersebut.

"Malaysia memiliki pelbagai jenis durian klon dan kita hanya eksport tiga jenis sahaja. Sekiranya mahu rasa variasi lain, mereka perlu datang ke Malaysia.

"Setakat ini, pihak MARDI masih lagi berusaha mencari hibrid baharu yang mampu menggantikan musang king.

"Bagi Durian D200 hingga D226, harga pasaran sangat mahal kerana ia masih lagi baru dan pengeluarannya tidak banyak," katanya.

Sebagai rekod, kadar sara diri industri durian tempatan berkeupayaan memenuhi permintaan domestik dan import.

Dianggarkan secara purata, seorang rakyat Malaysia makan sebanyak 12.2 kilogram durian dalam tempoh setahun.

Sementara itu, trend eksport durian Malaysia meningkat sebanyak 49 peratus sepanjang 2020 hingga 2022 dengan destinasi utama adalah Singapura, Hong Kong dan China.



ANTARA ciri fizikal musang king adalah tanda bintang pada bahagian bawahnya.




YONG LE merupakan salah seorang pengusaha kebun durian berjaya di Tangkak.



SHAHRIN

# Durian jadi tarikan pelancong

TOURISM Malaysia mengambil inisiatif untuk memasarkan pakej Durian Tourism 2023 di luar negara seperti China, Hong Kong, Taiwan, Singapura dan Brunei.

Ini berikutan kejayaan edisi pertama pada tahun lalu yang ketika itu tertumpu pada pelancong domestik.

Pakej-pakej yang ditawarkan pada edisi kali ini adalah di Perlis, Kedah, Perak, Selangor, Pahang dan Johor.

Pengarah Pembangunan Pakej, Tourism Malaysia, Shahrin Mokhtar berkata, melalui kempen tersebut, banyak destinasi sekitar dusun terlibat dapat diperkenalkan, sekali gus memberi impak kepada kegiatan ekonomi setempat.

"Menerusi permintaan tinggi terhadap produk pelancongan sebegini, pembangunan infrastruktur diharapkan akan bertambah baik dan wujud jaringan perniagaan kukuh.

"Ini bukan sahaja dalam kalangan penggiat industri secara khusus, malah meliputi pelbagai sektor lain," katanya ketika ditemui pada Majlis Pelancaran Durian Tourism 2023 di Happy Fruit Tangkak, Johor, baru-baru ini.

Durian Tourism 2023 menawarkan 18 pakej menarik sebagai pilihan kepada pelancong bermula RM50 seorang untuk bufet durian, pakej tiga hari dua malam daripada RM1,740 seorang dengan tempahan minimum 15 orang.

Antara aktiviti yang diadakan adalah mengutip, makan durian dan buah-buahan lain, menyediakan pelbagai minuman berasaskan halia, membuat tempoyak serta merasai pengalaman tinggal di kampung.

Kempen tersebut bermula pada awal Jun lalu sehingga penghujung Ogos nanti.